

METODE PENTARJIHAN HADIS TAYAMMUM IMAM AL-TIRMIDHI (200-209H) DALAM *JAMI' AL-TIRMIDHI*

SITI MURSYIDAH BINTI MOHD ZIN

sitimursyidah@kuis.edu.my

Jabatan al-Quran dan al-Sunnah

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Muhammad Umar Mukhtar bin Shafie

umar.shafie@gmail.com

Tayamum adalah pengganti wuduk atau mandi wajib yang menggunakan air yang suci digantikan dengan tanah atau debu yang bersih. Kaedah ini telah di sebut di dalam al-Quran dan Hadis. Terdapat banyak hadis yang membincangkan kaedah bertayammum dan di antaranya ialah kitab *Jami' al-Tirmidhi*. Metode penulisan Imam al-Tirmidhi di dalam *Jami' al-Tirmidhi* tidak sekadar menyatakan status sesebuah hadis, malah beliau turut mengutarakan dalil daripada para fuqaha' seperti Imam al-Shafi'i dan Imam Ahmad serta ramai lagi. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis kaedah yang dilakukan oleh Imam al-Tirmidhi dan perawinya berkenaan *kayfiyah al-Tayammum* beserta hujjah yang tersendiri. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan terhadap *Jami' al-Tirmidhi*. Dapatkan kajian diuraikan secara deskriptif. Dapatkan menunjukkan bahawa Imam al-Tirmidhi menggunakan disiplin ilmu yang terpuji iaitu dengan merujuk kepada al-Quran dengan al-Sunnah. Inilah metod yang dipegang oleh *salaf al-salih*..

Kata Kunci: Imam al-Tirmidhi, kaedah pentarjihan, tayammum, *Jami' al-Tirmidhi*, hadis

1.0 PENGENALAN

Ahamad Asmadi dan Wan Nasyrudin (2009) dan disokong oleh Udah @ Budah bin Mohsin (2009) telah menyatakan bahawa Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sarwah bin Musa bin al-Dihak al-Tirmidhi atau lebih dikenali dengan Imam al-Tirmidhi (200-209 H.) telah menggabungkan di antara fiqh dan hadis di dalam penulisan *al-Jami' al-Mukhtasar min Sunan 'an Rasullillah SAW wa Ma'rifah al-Sahih wa al-Ma'lul wa ma 'alahi al-'Amal* atau lebih dikenali sebagai *Jami' al-Tirmidhi*. Ini jelas terbukti apabila Imam al-Tirmidhi menunjukkan kemahiran beliau di dalam bidang hadis dengan meletakkan *sanad* (rantaian perawi) yang merangkumi *mutaba'at* (sokongan) dan *shawahid* (dalil atau bukti), manakala penyusunan beliau terhadap tajuk-tajuk *tarjamah* atau *tarajum* di dalam *Jami' al-Tirmidhi* pula lebih menjurus kepada permasalahan fiqh.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian yang berbentuk analisis kandungan ke atas *Jami' al-Tirmidhi* yang dikarang Imam al-Tirmidhi dengan mengkaji secara khusus bagaimana kaedah dan teknik pentarjihan yang dilakukan oleh beliau di dalam hadis yang berkaitan tayammum.

Artikel ini juga turut memfokuskan kepada penganalisaan kepada hadis *marfu'* yang dijadikan dalil oleh Imam al-Tirmidhi di bab Tayammum. Ini kerana kedudukan sesuatu hadis dapat diketahui melalui penilaian terhadap sanadnya, *shawahid* atau *mutaba'at*. Selain itu, pengkaji juga menggunakan beberapa kaedah *takhrij al-Hadith* bagi menegenalpasti hadis yang terkait dengan dalil-dalil Imam al-Tirmidhi memahami hadis yang bercanggah. Penggabungan dua metode *takhrij* dan *mukhtalif* hadis dalam menyingkap sunnah Rasulullah SAW sangat relevan, kedua-duanya tidak dapat dipisahkan sehingga sampai kepada hasil yang hendak dicapai. (Mohammad Fattah, Latifah Abdul Majid, Ahamad Asmadi Sakat,2013).

3.0 DEFINISI TAYAMMUM

Tayammum menurut Kamus Dewan Edisi ke-Empat (2015) bermaksud perbuatan menyapu muka dan dua tangan dengan debu tanah untuk membolehkan seseorang bersembahyang dan sebagainya kerana ketiadaan air, uzur dan lain-lain. Manakala menurut syarak adalah “Menuju ke tanah (iaitu permukaan bumi) untuk membersihkan supaya membolehkan seseorang, apa yang diboleh ketika berwuduk dan mandi.”. Ibn Qudamah (1996) menjelaskan telah bersepakat para ulama bahawa tayammum merupakan ganti kepada penyucian hadas kecil dan besar. Jika dilihat pada *kayfiyah al-Tayammum* (cara bertayammum), terdapat perbezaan pada had anggota yang perlu disapu. Menurut Ibn Rushd (1997) perbezaan ini berlaku kerana lafadz *al-Yad* (tangan) di dalam al-Quran di sebut secara mutlak. Allah SWT berfirman:

فَامسحُوا بِوْجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ

Maksudnya:

Maka sapulah pada wajah-wajah kamu dan tangan-tangan kamu dengannya
(tanah itu)

(al-Maidah 4:6)

Ibn Rushd (1997) menyimpulkan terdapat empat perbezaan ulama bagi menjelaskan maksud *wa 'aydikum* (tangan-tangan kamu) didalam ayat ini iaitu:

1. Had wajib sapu debu tanah adalah had yang diwajibkan ketika berwuduk iaitu hingga ke siku. Ini adalah pendapat yang masyur di kalangan empat mazhab.
2. Had wajib sapu debu tanah hanya pada pergelangan tangan. Ini pendapat ahli al-Zahir dan ahli al-Hadith.
3. Wajib hanya pergelangan dan *istihbab* sapu debu tanah hingga ke siku. Ini pendapat dari Imam Malik.
4. Basuh hingga ke pangkal lengan. Ini pendapat yang *shadh*. Diriwayatkan dari al-Zuhri dan Muhammad bin Musallamah.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Hadis-hadis Imam al-Tirmidhi dalam *Bab Kayfiyah al-Tayammum*

Sebelum melihat kepada kaedah pentarjihan, pengkaji mengemukakan hadis-hadis yang digunakan oleh Imam al-Tirmidhi. Ini menunjukkan bahawa ulama muhaddithin sentiasa merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagai dalil setiap hujah mereka. Di dalam bab *Kayfiyah al-Tayammum* Imam al-Tirmidhi banyak mengutarkan hadis-hadis yang menyokong pendapat beliau.

Imam al-Tirmidhi telah meletakkan hadis tayammum di bawah kitab *al-Taharah* di dalam karya agungnya iaitu *Jami' al-Tirmidhi* di bawah *Bab Ma Ja "a fi al-Tayammum*. Imam al-Tirmidhi berkata:

حدثنا أبو حفص عمرو بن علي الفلاس حدثنا يزيد ن زريع حدثنا سعيد عن قتادة عن عزرة
عن سعيد بن عبد الرحمن بن أبيه عن أبيه عن عمار بن ياسر أن النبي صلى الله عليه وسلم أمره
بالتيام للوجه والكتفين

(Imam al-Tirmidhi, *Jami' al-Tirmidhi*, Kitab *al-Taharah*, *Bab Ma Jaa fi al-Tayammum*. No. 144)

Maksudnya:

Abu Hafs 'Amru bin Ali al-Fallas bercerita kepada kami, dia berkata: Yazid bin Zurai' bercerita kepada kami, dia berkata: Sa'id bercerita kepada kami, daripada Qatadah, daripada 'Azrah, daripada Sa'id bin 'Abd al-Rahman bin Abza, daripada ayahnya, daripada 'Ammar bin Yasir bahawa sesungguhnya Nabi SAW menyuruhnya bertayammum pada muka dan dua tapak tangan"

4.2 Hadis Imam al-Tirmidhi tentang Tayammum

Sanad atau Isnad ialah perbuatan menyandarkan sesuatu perkataan kepada yang menyatakannya. Sanad adalah anugerah Allah SWT kepada umat Nabi Muhammad SAW yang tidak di anugerahkan kepada umat sebelum ini. (Syed Abdul Majid Ghouri. 2012)

Sanad hadis tayammum Imam al-Tirmidhi telah mengambil mengambil hadis ini dari gurunya yang bernama 'Amru bin 'Ali al-Fallas (*thiqah, hafiz*), daripada Yazid bin Zurai'(*thiqah*), daripada Sa'id (*thiqah, hafiz*) daripada ayah Sa'id iaitu 'Abd al-Rahman bin Abza(sahabat *saghir* dan telah dewasa ketika Zaman Khilafah 'Umar) daripada 'Ammar bin Yasir (sahabat Nabi SAW. Masyhur dan di antara yang terdahulu memasuki Islam). Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (2004) kesemua daripada mereka tidak dikategori sebagai perawi da'if.

Selain itu *Shawahid* atau penilaian hadis memerlukan pemerhatian kepada *shawahid* atau *shahid*. *Shawahid* adalah hadis yang telah diriwayatkan oleh sahabat yang mempunyai lafaz atau makna yang sama dengan hadis yang diriwayat oleh sahabat lain. Seolah-olah hadis tersebut menjadi *shahid* (dalil) kepada yang lain. (Syed Abdul Majid Ghouri. 2012). Bagi *Shawahid* di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi, al-Mubarakfuri (2008) menyatakan hadis tayammum yang diriwayatkan oleh ‘Ammar bin Yasir yang merupakan dalil Imam al-Tirmidhi mempunyai beberapa *shawahid* di dalam Kitab *al-Sahihain* dan Kitab Sunan *al-Arba’ah* yang lain. Antaranya ialah:

- Sahih al-Bukhari, *Kitab al-Tayammum, Bab al-Mutayammim; Hal Yanfukh fihima?* Hadis bernombor 33868
- Sahih Muslim dalam *Kitab al-Haid, Bab al-Tayammum*, hadis bernombor 110,111 dan 112. Hadis-hadis ini disebut dengan jelas perkataan *al-kaffain*. Hadis *al-Kaffain* juga disebut di dalam kitab Sunan, antaranya
- Sunan Abi Daud di dalam Kitab *al-Taharah, bab al-Tayammum*, hadis bernombor 321,69
- Sunan Ibn Majah dalam Kitab *al-Taharah wasunaniha* dalam *bab Ma Jaa fi al-Tayammum Darbah Wahidah*, hadis bernombor 569,
- Sunan al-Kubra al-Nasai dalam Kitab *al-Taharah* bernombor 303/2, 304 dan 306/2.

4.3 Metodologi Imam al-Tirmidhi ketika Menerangkan *Kayfiyah Al-Tayammum*.

Pada bahagian ini, pengkaji cuba menyusun metodologi Imam al-Tirmidhi ketika menerangkan *bab al-Tayammum* secara ringkas. Imam al-Tirmidhi ketika menyebut tentang hadis *Kayfiyah al-Tayammum* di dalam kitab *Jami’ al-Tirmidhi: Bab Ma Ja “a fi al-Tayammum*, beliau kemudiannya menyebut dalil beberapa ulama, di antaranya Imam al-Shafi’i. Pada permulaan tajuk, beliau menulis sanad dan matan hadis:

حدثنا أبو حفص عمرو بن علي الفلاس حدثنا سعيد عن قتادة عن عزرة عن سعيد بن عبد الرحمن بن أبيه عن أبيه عن عمارة بن ياسر أن النبي أمره بالتييم للوجو والكفن.
(al-Tirmidhi, *Jami’ al-Tirmidhi, Bab Ma Jaa fi al-Tayammum*. hadis no. 144. hlm. 40)

Maksudnya:

Abu Hafs ‘Amru bin ‘Ali bin al-Fallas telah menceritakan kepada kami, bahawa Sa’id menceritakan kepada kami daripada Qatadah, daripada Sa’id bin ‘Abd al-Rahman bin Abza daripada ayahnya, daripada ‘Ammar bin Yasir: “Sesungguhnya Nabi SAW. menyuruhnya bertayammum pada muka dan dua tapak tangan.”

Selepas menulis hadis, beliau kemudiannya menyebut riwayat lain yang ada kaitan dengan hadis dari sahabat Nabi SAW:

قال وفي الباب عن عائشة وابن عباس

Maksudnya:

(Imam al-Tirmidhi) telah berkata: Dan di dalam bab daripada ‘Aishah dan Ibn ‘Abbas

Selepas beliau menyebut hadis dan riwayat, beliau kemudian memilih hadis yang sahih di antara tiga riwayat dengan menyebut hukum hadis:

قال أبو عيسى حديث عمّار حديث حسن صحيح

Maksudnya:

Abu ‘Isa (Imam al-Tirmidhi) telah berkata: Hadis ‘Ammar Hadis Hasan Sahih

Beliau kemudiannya menyebut sahabat, tabi’in dan tokoh ulama yang menyokong dalil tersebut:

وهو قول غير واحد من أهل العلم من أصحاب النبي صلى الله عليه وسلم منهم علي وعمار وابن عباس وغير واحد من التابعين منهم الشعبي وعطاء ومكحول قالوا التيمم ضربة للوجه والكفين وبه يقول أحمد وإسحق

(al-Tirmidhi, Jami’ al-Tirmidhi, Bab Ma Jaa fi al-Tayammum. hadis no. 144. hlm. 40)

Maksudnya:

Dan ramai yang berpegang dengan pandangan ini dari kalangan ahli al-‘Ilm dari sahabat-sahabat Nabi SAW, antaranya: ‘Ali, ‘Ammar, Ibn ‘Abbas tabi’in juga berpegang dengan qawl ini, antaranya: al-Sha’bi dan Makhul. Mereka sepakat berkata: al-Tayammum (sapu) sekali tepukan pada wajah dan dua pergelangan tangan.

Ini juga dikatakan oleh Ahmad dan Ishaq.

Beliau juga menyebut pandangan sahabat Nabi SAW dan tokoh ulama lain yang berbeza dengan hadis ‘Ammar dari segi had anggota yang perlu disapu ketika bertayammum:

وقال بعض أهل العلم منهم ابن عمر وجابر وإبراهيم والحسن قالوا التيمم ضربة للوجه وضربة لليدين إلى المرفقين وبه يقول سفيان الثوري وأبي المبارك والشافعي .

(al-Tirmidhi, Jami’ al-Tirmidhi, Bab Ma Jaa fi al-Tayammum. hadis no. 144.)

Maksudnya:

Sebahagian ahli al-‘Ilm berkata, sebahagiandaripada mereka Ibn Umar, Jabir, Ibrahim dan al-Hasan. Mereka berkata: Tayammum satu tepukan pada wajah dan satu tepukan. Begitu juga pendapat Sufian al-Thawri, Malik, Ibn Mubarak dan al-Shafi’i.

Imam al-Tirmidhi menyenaraikan nama Imam al-Shafi'i di kelompok yang kedua secara ringkas sahaja, iaitu mereka yang berpendapat bahawa had anggota yang perlu disapu ketika tayammum adalah wajah dan tapak tangan hingga ke siku. Beliau tidak hanya menyebut pendapat Imam al-Shafi'i malah menyebut juga imam-imam lain seperti Imam Sufian al-Thawri, Imam Malik dan Ibn Mubarak.

4.4 Teknik Pentarjihan Imam Al-Tirmidhi dalam *Bab Kayfiyyah al-Tayammum*.

Ahamad Asmadi Sakat (2007) menjelaskan Imam al-Tirmidhi tidak meletakkan syarat untuk meriwayatkan hadis sahih sahaja, malah terdapat hadis-hadis yang dinilai sebagai da'if. Walaubagaimanapun, beliau tidak berdiam diri dari mentashih, mentahsin dan mentad'if serta mentarjih hadis yang dikemukakan. Setiap hadis yang ditashih adalah merupakan hadis yang paling rajih disisinya.

i. Imam Al-Tirmidhi Menyebut *Shawahid* dan *Mentarjih* Salah Satu Darinya.

Keunggulan Jami' al-Tirmidhi antaranya pada keupayaan beliau mengemukakan shawahid dengan menggunakan isyarah *wa fi al-Bab*. Ini menunjukkan kegigihan beliau mengumpul serta menguasai sunnah Rasulullah SAW di zamannya. Imam al-Tirmidhi menyenaraikan beberapa isyarat hadis lain yang berkaitan dengan tajuk perbincangan. Antaranya:

قال وفي الباب عن عائشة وابن عباس

Maksudnya:

Imam al-Tirmidhi berkata: “Dan di dalam bab ini, daripada ‘Aishah dan Ibn ‘Abbas”

Hadis yang diriwayatkan oleh ‘Aishah seperti di dalam isyarat *wa fi al-Bab* telah dikeluarkan oleh al-Bazzar di dalam musnadnya. Imam al-Bukhari telah menilai perawinya sebagai da'if. al-Mubarakfuri ketika mengulas tentang hadis ‘Aishah beliau menyebut:

“Dan di dalam (hadis) tersebut, ada al-Harith bin al-Kharit yang telah dinilai sebagai da'if oleh Abu Hatim, Abu Zur'ah dan Imam al-Bukhari.”

Imam al-Bukhari berkata:

“Harith bin al-Kharit *fihī nazar*.”

Syed Abdul Majid Ghouri (2012) mnejelaskan bahawa ia merupakan lafadz yang menunjukkan seorang perawi itu *da'if* malah periyatnya perlu diberi perhatian. manakala al-Mubarakfuri (2008) berkata Aku tidak mengetahui keadaannya dan aku tidak ambil hadis daripadanya.

Selepas menulis hadis dan beberapa *Shawahid* dalam bentuk isyarat, Imam al-Tirmidhi kemudiannya memilih hadis yang paling sahih menurut beliau:

“(Hadis ‘Ammar) adalah hadis hasan (lagi) sahih.”

Kaedah ini perlu diketahui ketika berhadapan dengan *Jami’ al-Tirmidhi* supaya pembaca tidak terburu-buru menganggap Imam al-Tirmidhi mutasahil apabila berjumpa dengan hadis yang lemah di dalamnya.

ii. Imam al-Tirmidhi Menyebut Pendapat Sahabat dan Tabi’in

Imam al-Tirmidhi selepas mentarjih hadis yang paling sahih, beliau kemudiannya menyebut beberapa pendapat sahabat ra dan tabi’in yang sependapat dengannya. Ini merupakan kaedah Imam al-Tirmidhi bagi menyokong hadis yang *ditarajih*. Imam al-Tirmidhi berkata:

وهو قول غير واحد من أهل العلم من أصحاب النبي صلى الله عليه وسلم
منهم علي وعمار وابن عباس وغير واحد من التابعين منهم الشعبي وعطاء ومكحول قالوا
التي تم ضربة للوجه والكتفين

(al-Tirmidhi, *Jami’ al-Tirmidhi, Bab Ma Jaa fi al-Tayammum*. hadis no. 144.)

Maksudnya:

Ini adalah pandangan lebih dari seorang dari kalangan ahli al-‘Ilm daripada sahabat Nabi SAW yang berpendapat sedemikian: di antaranya ‘Ali, ‘Ammar dan Ibn ‘Abbas Manakala dari kalangan tabi’in pula, antaranya: al-Sha’bi, ‘Ata” dan Makhul. Mereka berkata: “Tayammum adalah satu kali tepukan pada wajah dan pergelangan tangan.”

Beliau menyenaraikan nama para sahabat dan tabi’in secara ringkas sahaja untuk menguatkan dalilnya dan dijadikan rujukan kepada pembaca. Pembaca juga tidak hilang tumpuan kepada tajuk asal dan ini menjadikan kitabnya tidak terlalu panjang lebar hingga mendatangkan kebosanan kepada pembaca.

iii. Imam al-Tirmidhi Menyebut Pendapat Ulama Tentang Hadis Yang Ditarjih.

Hadis ‘Ammar tentang tayammum, menyapu debu atau tanah hingga ke pangkal lengan dilihat bercanggah dengan hadis yang dipilih oleh beliau. Disebabkan oleh itu, sebahagian ulama telah menda’ifkan hadis “pergelangan tangan”. Menurut Imam al-Tirmidhi, hadis pangkal lengan tidak bercanggah dengan hadis ‘Ammar tentang arahan Nabi SAW menyapu hingga ke pergelangan tangan. Ini merupakan *ijtihad* yang dilakukan oleh ‘Ammar sebelum beliau di ajar oleh Nabi SAW dengan cara yang betul ketika tayammum.

Oleh itu, beliau menyebut pendapat ulama tentang hadis yang dipilihnya. Di antaranya ialah pendapat Ishaq bin Ibrahim bin Makhlad al-Hanzali (al-Mubarakfuri, 2008)

حديث عمار في التيمم للوجه والكفين هو حديث حسن صحيح وحديث عمار تيممنا مع النبي صلى الله عليه وسلم إلى المناكب والأباط ليس هو بمخالف لحديث الوجه والكفين لأن عمارا لم يذكر أن النبي صلى الله عليه وسلم أمرهم بذلك وإنما قال فعلنا كذا وكذا فلما سأله النبي صلى الله عليه وسلم أمره بالوجه والكفين فانتهى إلى ما علمه رسول الله صلى الله عليه وسلم الوجه والكفين والدليل على ذلك ما أفتى به

(al-Tirmidhi, Jami' al-Tirmidhi, Bab Ma Jaa fi al-Tayammum. hadis no. 144)

Maksudnya:

Hadis ‘Ammar ini adalah hadis hasan (lagi) sahih. Manakala hadis ‘Ammar “Kami bertayammum bersama Nabi SAW hingga ke pangkal lengan dan ketiak”: tidak bercanggah dengan hadis sapu muka dan pergelangan tangan, kerana ‘Ammar tidak menyebut bahawa Nabi SAW menyuruhnya sedemikian, tetapi beliau hanya menyebut: “Kami buat begini dan begini”. Apabila beliau bertanya pada Nabi SAW., baginda menyuruhnya sapu pada wajah dan pergelangan tangan. Beliau memegang dengan apa yang diajar Nabi kepadanya iaitu wajah dan kedua pergelangan tangan. Dalilnya adalah: Beliau berfatwa dengan ajaran Nabi SAW selepas baginda mengajar kepadanya.”

Ishaq telah menjelaskan bahawa hadis-hadis yang kelihatan bercanggah antara satu dengan yang lain sebenarnya tidak bercanggah, akan tetapi ia adalah dua keadaan yang berbeza.

iv. Penilaian Imam al-Tirmidhi Terhadap Gurunya Yang Meriwayat Hadis ‘Ammar.

Imam al-Tirmidhi juga tidak terlepas dari menilai gurunya iaitu Abu Hafs ‘Amru bin Ali al-Fallas. Ia merupakan metodologi pentarjihan yang dilakukan oleh Imam al-Tirmidhi dalam *bab kayfiyah al-Tayammum*. Beliau berkata:

“Aku telah mendengar dari Abu Zur’ah ‘Ubaydillah bin ‘Abd al-Karim berkata: “Aku tidak melihat di Basrah mereka yang paling kuat hafalan dari mereka bertiga: iaitu Ali bin al-Madini, Ibn al-Shadhakuni dan ‘Amru bin ‘Ali al-Fallas. (al-Mubarakfuri,2008)

v. Keupayaan Imam al-Tirmidhi dalam Mengemukakan Athar Sahabat.

Keistimewaan Kitab Jami' al-Tirmidhi adalah beliau bukan sahaja berjaya mengumpul sejumlah hadis, malah beliau juga mengumpul *athar* sahabat didalam kitabnya. Imam al-Tirmidhi menyebut *athar* untuk menyokong dalil beliau dalam perbincangan *kayfiyah al-Tayammum*.

Beliau menyebut *athar* Ibn ‘Abbas ketika ditanya tentang tayammum. Imam al-Tirmidhi berkata:

“Haddathana (telah menceritakan kepada kami) Yahya bin Musa, Haddathana Sa’id bin Sulayman, Haddathana Hushaym dari Muhammad bin Khalid al-Qurashi, daripada Dawud bin Husayn, daripada ‘Ikrimah, dariapada Ibn ‘Abbas: bahawasanya beliau telah ditanya tentang tayammum. Maka beliau berkata: “Sesungguhnya Allah SWT telah berfirman di dalam kitabnya ketika membicarakan tentang wuduk “Maka basuhlah wajah-wajah kamu dan tangan kamu hingga ke siku”. Kemudian Allah SWT berfirman tentang tayammum: “Maka sapulah pada wajah-wajah kamu dan pada tangan-tangan kamu” Kemudian Allah SWT berfirman “Maka pencuri lelaki dan pencuri wanita dipotong tangan mereka”. Maka sunnah ketika memotong adalah potong pada pergelangan tangan, manakala ia adalah wajah dan kedua pergelangan tangan, iaitu tayammum.”

Al-Mubarafkuri (2008) ketika mensyarah *athar* Ibn ‘Abbas di dalam *Tuhfah al-Ahwazi*, beliau berkata:

“Abu al-Tayyib al-Sanadi berkata: “Cara memotong tangan dalam kes mencuri menurut agama (Islam) adalah memotong pergelangan tangan kerana perkataan *yad* (tangan) secara mutlak di dalam ayat *al-sirqah*. Begitu jugalah dengan tayammum, memadai dengan menyapu pada wajah dan pergelangan tangan kerana perkataan *yad* disebut secara mutlak. Mutlak perkataan *yad* (yang membawa maksud) *al-kaffan* (iaitu kedua pergelangan tangan) berdalilkan pada dalil *ayat al-sirqah*”

Imam al-Tirmidhi bukan sahaja mengemukakan *athar* Ibn ‘Abbas, malah beliau menilai hadis dengan menghukumkan bahawa ia hasan (lagi) sahih (lagi) gharib.

KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa Imam al-Tirmidhi menggunakan disiplin ilmu yang terpuji iaitu dengan merujuk kepada al-Quran dengan al-Sunnah. Inilah metod yang dipegang oleh *salaf al-salih*. Walaubagaimanapun hadis yang dinilai sahih oleh Imam al-Tirmidhi ialah paling *rajih* dalam *bab kayfiyah al-Tayammum* dan sapuan iaitu sapu pada wajah dan pergelangan tangan. Ia juga terdapat di dalam *Kitab al-Sahihain* dan beberapa kitab sunan yang lain.

Kajian terhadap teknik pentarjihan Imam al-Tirmidhi dari segi keupayaan mengemukakan *shawahid*, pendapat sahabat dan tabi’in, penilaian terhadap perawi serta *athar sahabat* menunjukkan bahawa Imam al-Tirmidhi telah mengoptimumkan *ulum al-hadith riwayah* serta *dirayah* sebaiknya pada zaman itu. Ini menunjukkan kelebihan yang ada pada kurun ketiga yang telah dimanfaatkan oleh Imam al-Tirmidhi sebaiknya. Kurun tersebut merupakan kurun keemasan (*al-qarn al-dhahabi*) yang telah hampir terbuku sepenuhnya ilmu-ilmu Islam terutamanya kitab-kitab hadis Nabi SAW.

RUJUKAN

- Ahamad Asmadi bin Sakat dan Wan Nasyrudin bin Wan Abdullah.2009. *Isu-Isu Permasalahan Hadith dan al-Kutub al-Sittah. Bank al-Hadith : Satu Keperluan.* Hlm 1-31. Bangi: Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahamad Asmadi bin Sakat. 2007. *Jurnal Islamiyyat Jil 29: Jenis dan Istilah dalam Jami' al-Tirmidhi: Satu Kajian.* Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali. 1998. *Bulugh al-Maram Min Adillat al-Ahkam.* Riyadh: Dar al-Sami'i.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Syihabuddin Abu Fadal Ahmad bin Ali bin Muhammad.2000. *Taqrib Al-Tahzib.* Bairut, Lubnan : dar Kutub Ilmiyah.
- Ibn Hajar al- 'Asqalani, Syihabuddin Abu Fadal Ahmad bin Ali bin Muhammad. 2004. *Tahzib al- Tahzib fi Rijal al-Hadith.* Jil 1,2,3,4,5,6 & 7. Bairut, Lubnan : Dar Kutub Ilmiyah.
- Ibn Rushd, Muhammad Ibn Ahmad. 1997. *Bidayat al-Mujtahid wa nihayat al-Muqtasid .* Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Maqdisi, Ibn Qudamah. 1996. Al-Mughni. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Mohammad Fattah, Latifah Abdul Majid, Ahamad Asmadi Sakat. 2013. Memahami Sunnah Rasulullah S.A.W. Menerusi Gabungan Metodologi Takhrij Hadis & Mukhtalif Hadis. hlm 10) Jurnal Hadhari 5 (1) (2013) ukm 187-198)
- al-Mubarakfuri, Muhammad bin Abdul Rahman bin Abdul Rahim. 2008. *Tuhfat al-Ahwadzi bi Syarah Jamic al-Tirmidhi.* Jil 1. Beirut: Dar Ihya Thurath al-'Arabi.
- Muhammad Umar Mukhtar bin Shafie. 2017. *Metodologi Imam al-Tirmidhi dalam Menerangkan Dalil Imam al-Syafi'i.* Tesis Ijazah Sarjana. Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muslim, Abu al-Hussain Muslim bin al-Qushairi al-Naisaburi. 2005. *Sahih Muslim.* Amman, Jordan: Bayt al-Afkar wa al-Daulah.
- Noresah Baharom et. all (2015) *Kamus Dewan.* Edisi Keempat Cetakan Ketujuh Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Abdul Majid Ghouri. 2012. Kamus Istilah Hadis. Bangi, Selangor: Darul Syakir Enterprise dan Institut Kajian Hadis (INHAD).
- al-Tirmidhi, Muhammad Bin 'Isa bin Saurah. 2000. *Jami' al-Tirmidhi.* Riyadh: Dar Salam Lil Nasyar wa Tauzi'.
- Udah@Budah bin Mohsin. Isu-Isu Permasalahan Hadith dan Al Kutub Al-Sittah. *Kepentingan Memahami Ulum al-Hadith bagi Mempelajari al-Hadith dan Kepentingan al-Kutub al-Sittah dalam al-Hadith.* Hlm 33-41. Bangi: Jabatan Pengajian Al-Quran dan Al Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).